

Tokoh Guru Kebangsaan 2019: Cikgu Nawī Ismail

Fatin Nur Zulkipli¹ *, Noor Rahmawati Alias², Nor Haslina Yasin³ dan Zuraini Rosli⁴

¹ UiTM Cawangan Kelantan; fatinnurzul@uitm.edu.my;  0000-0002-5294-9125

² UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

³ UiTM Cawangan Kelantan; norhaslinayasin@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; zurainirosli98@gmail.com

* Correspondence: fatinnurzul@uitm.edu.my; +60124515040

Abstrak: Kajian ini berfokus pada temubual dengan Tuan Hj Nawī Ismail, seorang pendidik berpengalaman selama 37 tahun dalam bidang pendidikan Malaysia. Beliau merupakan penerima anugerah Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2019 daripada YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, yang disampaikan semasa majlis perasmian sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2019 di SPICE Arena, Pulau Pinang. Artikel penyelidikan ini menggambarkan lapan bahagian utama, iaitu pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan dan sumbangan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, hasil kajian, dan kesimpulan. Temu bual dengan Cikgu Nawī Ismail memberikan wawasan berharga mengenai peranan beliau yang aktif dalam pembangunan kurikulum, aktiviti kokurikulum, dan hubungannya dengan komuniti tempatan, serta sumbangan pentingnya dalam meningkatkan kecekapan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar. Kajian ini menjelaskan pencapaian dan sumbangan beliau yang mencorak sektor pendidikan di Malaysia. Ia adalah bukti komitmen dan kesungguhan beliau terhadap bidang pendidikan. Kajian ini menawarkan penerokaan komprehensif mengenai pengalaman dan pandangan Cikgu Nawī Ismail, menjadikannya sumber yang berharga untuk pendidik, pembuat dasar, dan penyelidik yang berminat dalam pembangunan pendidikan di Malaysia, terutamanya dalam konteks peningkatan kemahiran Bahasa Melayu.

Kata kunci: Pendidikan, Pendidik, Pelajar, Penyampaian Ilmu, Kejayaan, Pengetahuan, Guru.

DOI: 10.5281/zenodo.10020300



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Pendidikan merupakan satu hal yang sangat penting dalam kehidupan manusia tidak kira dimana jua ia berada. Pendidikan merupakan satu usaha untuk perkembangan potensi diri dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, berakhlak mulia, bertanggung jawab, dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri dan memberi sumbangan terhadap keharmonian masyarakat dan negara.

Menjadi seseorang yang berpengetahuan terutamanya dalam bidang pendidikan adalah satu hal yang sangat mulia kerana dengan ilmu dan pengetahuan yang ada, seseorang itu dapat mendidik dan melahirkan masyarakat yang intelek demi pembangunan masyarakat dan negara. Walau bagaimanapun, sesuai dengan peredaran zaman, tugas mendidik bukanlah sesuatu hal yang mudah. Pelbagai rintangan dan halangan yang terpaksa dihadapi oleh para pendidik sehingga boleh melunturkan semangat mereka untuk mendidik. Oleh itu, untuk mengekalkan semangat mereka dalam mendidik anak bangsa amatlah penting dan perlu dititikberatkan demi memastikan para pelajar mendapat ilmu yang berkualiti.

Kajian ini mengandungi maklumat berkaitan Tuan Hj Nawī Ismail atau Cikgu Nawī yang merupakan seorang pendidik yang berpengalaman selama 37 tahun dalam dunia pendidikan. Tokoh guru ini menjadi pilihan pengkaji untuk ditemu bual kerana beliau bukan sahaja aktif dalam bidang kurikulum, kokurikulum dan komuniti setempat, bahkan pernah dinobatkan sebagai Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2019 daripada YAB Tun Dr Mahathir Mohamed. Anugerah tersebut disampaikan pada majlis perasmian sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2019 yang berlangsung di SPICE Arena, Pulau Pinang. Beliau juga pernah menjadi panel dalam pembinaan Modul PdP Bahasa Melayu STPM, Modul Pembangunan Projek PJKR Miros, Pakar Perunding Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Jurulatih Utama Sistem Pentaksir Baharu STPM Bahasa Melayu dan AJK Kawalan Mutu Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 1 hingga 3. Beliau juga banyak menghasilkan buku bagi meningkatkan penguasaan murid terhadap kemahiran Bahasa Melayu.

Kajian ini didokumentasikan hasil temu bual yang dibuat dengan tokoh yang dipilih dan dibahagikan kepada lapan bahagian utama iaitu pengenalan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan dan sumbangan kajian, tinjauan literatur, metodologi kajian, hasil kajian, dan kesimpulan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Seseorang tokoh dalam sesuatu bidang perlu ditonjolkan kepada khalayak ramai berkenaan ilmu kemahiran, pencapaian serta sumbangan yang telah beliau berikan agar segala mutiara ilmu pengetahuan beliau dapat dimanfaatkan oleh ramai pihak, serta jasa dan pencapaian beliau akan dijadikan pedoman serta dorongan motivasi untuk mereka yang ingin mencipta kejayaan seterusnya. Cikgu Nawī Ismail merupakan seorang tokoh dalam bidang pendidikan yang memang tidak dapat dinafikan umum bahawa beliau telah banyak menabur budi kepada perkembangan pendidikan di Malaysia.

Banyak liputan akhbar dan saluran informasi rasmi atau tidak rasmi yang membicarakan tentang sumbangan Cikgu Nawī namun pengkaji belum menemui satu sumber informasi yang komprehensif daripada sumber informasi primer yang mencatatkan secara menyeluruh tentang latar belakang Cikgu Nawī beserta pengalaman, jasa, dan pencapaian beliau sebagai tokoh pendidikan di bumi tercinta ini. Informasi sebegini amat perlu direkodkan agar generasi masa kini sedar akan pentingnya jasa beliau kepada dunia pendidikan, serta memberikan dorongan semangat kepada para pendidik untuk berupaya cemerlang sebagaimana yang ditunjukkan oleh tokoh ini.

Justeru itu, pengkaji telah berusaha mendapatkan sumber informasi primer secara langsung daripada tokoh ini untuk didokumentasikan dalam bentuk penulisan ilmiah. Inisiatif ini diharapkan akan memberikan pulangan yang menguntungkan ahli masyarakat agar boleh dijadikan salah satu sumber rujukan atau bahan sejarah yang relevan kepada pengkaji sejarah atau rakyat Malaysia di masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

- 3.1 Mengetahui pasti latar belakang peribadi dan pendidikan tokoh.
- 3.2 Mengetahui pengalaman tokoh sebagai seorang pendidik.

3.3 Mengenal pasti sumbangan serta pencapaian tokoh dalam bidang pendidikan.

4. PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian ini memberi fokus kepada keperibadian serta pencapaian dan jasa seorang tokoh pendidikan negara iaitu Cikgu Nawī Ismail sebagaimana berikut:

- 4.1 Siapakah Cikgu Nawī Ismail yang merupakan Tokoh Guru Kebangsaan 2019?
- 4.2 Apakah pengalaman beliau sebagai pendidik?
- 4.3 Apakah sumbangan serta pencapaian beliau dalam bidang pendidikan di negara kita?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberikan kesedaran kepada para guru, terutamanya guru muda tentang semangat mendidik dalam kalangan pendidik itu memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ilmu kepada anak didiknya. Jika seorang guru atau pendidik itu mengambil mudah tentang cara mendidik para pelajar, ia akan mendatangkan masalah dan kegagalan dalam hidup pelajar. Ia juga membuktikan bahawa guru itu telah gagal dalam melaksanakan tugasnya untuk pendidik. Oleh itu, mereka perlu tahu betapa pentingnya cara ilmu itu disampaikan kepada para pelajar demi memastikan pelajar faham dan dapat menyerap ilmu tersebut dengan baik untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

Tambahan pula, dengan penyebaran dan perkongsian ilmu yang betul, para pendidik dapat melahirkan generasi pelajar yang berkualiti memandangkan generasi pelajar sekarang jugalah yang akan memimpin negara kita pada masa akan datang. Teknik dan cara mengajar yang betul akan memberikan kesan yang baik yang akan membawa kejayaan kepada para pelajar. Pendidikan merupakan keperluan yang penting kerana ia mengajar seseorang itu tentang nilai murni dan juga berfikir dengan betul untuk membuat keputusan.

Sejarah lisan membantu dalam menceritakan peristiwa atau kisah individu yang memberi pelbagai sumbangan kepada masyarakat. Mereka mempunyai individu yang perlu dikenang dan dihargai supaya generasi yang akan datang tidak akan pernah lupa. Serta mereka juga akan menjadi inspirasi dan idola kepada orang muda kini untuk sentiasa berkhidmat kepada masyarakat dan juga negara. Melalui kajian ini, penyelidik akan mendapat beberapa manfaat seperti memperoleh sumber utama maklumat dan menjadi saksi penceritaan tokoh tersebut. Sejarah lisan boleh memainkan peranan yang amat penting dalam penambahbaikan sumber sejarah yang ada pada zaman sekarang dan seterusnya membantu para sejarawan menghasilkan penulisan sejarah yang meliputi pelbagai bidang, yang bukannya menumpukan kepada hanya satu bidang sahaja.

6. TINJAUAN LITERATUR

Tanpa pendidikan, manusia akan dianggap mundur. Pendidikan merupakan satu pengaruh yang besar yang akan menentukan ketamadunan sesebuah bangsa. Manusia yang mempunyai ilmu dan meletakkan ilmu sebagai cara hidup lebih cenderung untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan mereka seperti dinyatakan oleh (Samruhaizad & Azahan, 2017). Menurut Kamarul Azmi dan rakan (2012), dalam bidang pendidikan guru merupakan satu aset yang penting memandangkan

guru mempunyai tugas yang sangat besar dalam melahirkan masyarakat yang berguna. Kepentingan pendidikan yang utama adalah untuk mewujudkan manusia yang berdasarkan fitrah dan keharmonian diri kerana kedua-dua ini akan membangunkan kehidupan yang berkonsepkan keadilan dan kebenaran seperti yang disuarakan oleh Habibah (2017). Selain itu, menurut Muhammad Talhah dan rakan (2019) untuk menyelesaikan masalah dengan berkesan dan rasional juga memerlukan pendidikan yang baik. Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengatakan bahawa konsep kemerdekaan dalam kehidupan individu itu akan dilengkapkan melalui pendidikan. Dengan itu, seseorang itu akan lebih menghormati perlembagaan, taat kepada raja, dan tahu tanggung jawab mereka sebagai seorang warganegara.

Berdasarkan piawaian antarabangsa, sistem pendidikan diukur berdasarkan institusi perguruan yang mampu menghasilkan pelajar yang sempurna dalam segi kurikulum dan pembelajaran dan akhir sekali bagaimana cara mereka mengaplikasikan ilmu yang dipelajari sebagai contohnya, adakah mereka mempunyai keupayaan dalam menganalisis masalah, mampukah mereka berkomunikasi dengan berkesan dan akhir sekali dapatkah mereka meneliti dan mentafsir dengan baik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2013, sistem pendidikan yang berkualiti di Malaysia dapat dilaksanakan dengan berkesan sekiranya mendapat kerjasama yang baik terutamanya daripada para pendidik. Selain itu, kualiti pendidikan di sesebuah negara itu bergantung sepenuhnya kepada usaha para pendidik di negara tersebut (Norashikin & rakan, 2015).

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang baik dan sistematik dapat membantu guru dan pelajar dalam mengembangkan idea baru, mencetuskan pemikiran yang kreatif dan inovatif dalam penyebaran pengetahuan baru. Oleh itu, bahan bantuan mengajar adalah sangat penting dalam proses P&P demi menarik minat dan meningkatkan prestasi pelajar. Pengajaran berkesan bermaksud seorang guru itu mempunyai ilmu pengetahuan yang luas serta kemahiran dan teknik mengajar yang profesional dalam mendidik seperti dinyatakan oleh Noor Lela dan rakan (2020).

Selain itu strategi pendidikan berkarakter melalui Multiple Talent Aproach (MTA) juga memainkan peranan penting dalam pendidikan dengan cara ini pelajar akan lebih mudah untuk memahami sesuatu yang baru seperti hasil kajian oleh Nopan (2019). Dari hasil kajian Miftah (2020), karakter adalah terbentuk dari kegiatan yang dilakukan secara berulang dan menjadi sebuah kebiasaan. Kebiasaan inilah yang membentuk karakter seseorang tersebut. Seterusnya budaya seperti nilai budaya kumpulan etnik, tradisi, komunikasi, gaya pembelajaran dan pola hubungan juga memainkan peranan penting disini budaya dalam bilik darjah juga boleh mempengaruhi proses pembelajaran dan penyesuaian sosial murid seperti dinyatakan oleh Zulkefli dan rakan (2014). Akhir sekali pendidikan budaya dan karakter bangsa adalah usaha bersama sekolah haruslah dilakukan secara bersama oleh semua guru dan pemimpin (Mohd Aizat & Kamarudin, 2019). Dengan cara ini semua pelajar akan lebih mudah untuk menyesuaikan diri mereka.

Sebuah hasil penulisan Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, dan Mohd Izham (2009) menceritakan tentang lima sifat utama yang dimiliki oleh para guru cemerlang Pendidikan Islam. Sifat-sifat ini iaitu sifat amanah, ikhlas, berilmu dan beramal, bertakwa, khusyuk serta merendah diri memberikan kekuatan kepada para guru tersebut untuk memiliki kerohanian yang cemerlang seterusnya menjalankan amanah sebagai pendidik dengan komited. Sebuah kajian mengenai model guru berkualiti daripada dua perspektif yang berbeza iaitu perspektif Islam dan Barat telah dibuat oleh Kamarul Azmi Jasmi dan Noor Fadhlina Nawawi (2012). Kajian ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang kepentingan guru yang berkualiti tinggi untuk melahirkan generasi pelajar yang hebat berdasarkan contoh daripada model pendidikan Islam dan Barat.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seorang tokoh yang dirakam secara wawancara akan didokumentasikan bagi tujuan rujukan pada masa akan datang. Tokoh tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman sendiri tentang masa dan peristiwa tertentu. Kajian ini memberikan maklumat hasil daripada usaha pengkaji yang telah menemubual Cikgu Nawi Ismail, yang berasal dari Terengganu dan pernah berkhidmat sebagai pendidik selama 37 tahun. Sebab utama pengkaji memilih beliau ialah kerana beliau merupakan tokoh dalam dunia pendidikan negara yang telah menabur bakti dalam perkembangan kurikulum, kokurikulum dan komuniti setempat serta telah mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat negeri dan juga kebangsaan.

Antara prosedur yang digunakan untuk mengumpul data dari temubual ini ialah pengkaji terlebih dahulu memaklumkan hasrat dan tujuan temu bual kepada tokoh yang berkenaan. Selepas mendapat pengesahan dari pihak tokoh, pengkaji terus berhubung dengan beliau bagi memastikan tarikh dan masa yang bersesuaian dengan tokoh untuk sesi wawancara bersama pengkaji. Akhir sekali bagi sesi temubual pengkaji telah menggunakan platform aplikasi atas talian sebagai platform utama untuk menjayakan projek ini. Maklumat yang diperolehi dari wawancara seterusnya dirakam dan akan dibuat salinan dan akhir sekali akan digunakan sebagai bahan untuk penyelidikan.

Selain daripada maklumat yang diperolehi secara langsung daripada tokoh yang diwawancara, terdapat maklumat tambahan yang dimasukkan oleh pengkaji di dalam penulisan ini daripada sumber kedua seperti penulisan blog dan keratan akhbar berkenaan aktiviti dan sumbangan serta pengiktirafan kepada tokoh ini.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian utama seperti berikut:

8.1 Latar belakang Tokoh

Cikgu Nawi dilahirkan pada tahun kemerdekaan iaitu pada tahun 1957 dan merupakan anak kelahiran Terengganu. Cikgu Nawi mendirikan rumahtangga dengan suri hatinya Puan Kariani binti Ismail semasa beliau berusia 25 tahun dan dikurniakan tiga orang cahaya mata, iaitu seorang anak perempuan dan dua orang anak lelaki.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Kampung Gemuroh dari darjah satu sehingga darjah 6 iaitu pada tahun 1964-1969 dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan KYDK dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima dan tingkatan enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin. Pada tahun 1978 beliau menyambung pengajian ke Maktab Perguruan Bahasa di Kuala Lumpur selama 2 tahun. Pada tahun 1986 sehingga 1989 beliau menyambung pengajian di peringkat sarjana pendidikan di Universiti Pertanian Malaysia di Serdang.

8.2 Pengalaman Tokoh

Cikgu Nawi bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik semenjak beliau di bangku sekolah. Justeru itu, setelah beliau menamatkan pengajian beliau di Maktab Perguruan Bahasa di Kuala Lumpur, beliau memulakan tugas sebagai seorang guru pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Panji Alam Kuala Terengganu. Beliau memang cintakan dunia pendidikan dan bagi beliau tiada istilah

pengalaman pahit sebagai seorang pendidik. Semangat untuk mencari ilmu bagi menyumbang kepada dunia pendidikan membuatkan beliau menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana pendidikan di UPM. Semasa di universiti, beliau juga aktif dalam aktiviti kebajikan dan kebudayaan di samping program lawatan dan seminar berkaitan kursus pengajiannya.

Beliau juga aktif menulis bahan bacaan berkaitan dengan bidang yang beliau ajar, di samping melatih para pelajar beliau untuk giat dalam bidang penulisan. Selepas bersara, Cikgu Nawi masih lagi aktif menulis dan berkongsi ilmu dengan menyampaikan ceramah bagi membantu para guru dan pelajar dalam perkembangan pembelajaran dan pengajaran.

8.3 Sumbangan dan Pengiktirafan terhadap Tokoh

Cikgu Nawi merupakan seorang pendidik yang sentiasa bersemangat untuk berkongsi ilmu dengan para pelajar serta para pendidik lain. Beliau disegani oleh para pendidik atas sifat ikhlas dan tekun beliau dalam mendidik anak bangsa. Beliau yang juga bekas Guru Cemerlang Gred Khas C, berpengalaman mengajar subjek bahasa Melayu selama 37 tahun, bermula di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panji Alam, Kuala Terengganu, pada 1980. Beliau kemudian dipindahkan ke Sekolah Menengah (SM) Teknik Kuala Terengganu dan bersara pada 2017 sebelum meneruskan sumbangan sebagai penceramah motivasi kepada pelajar sekolah di seluruh negara.

Cikgu Nawi bukanlah pendidik biasa kerana selain daripada menjalankan rutin sebagai seorang guru dalam bilik darjah, beliau aktif menulis buku terutamanya buku panduan penulisan Bahasa Melayu untuk dijadikan bahan rujukan pelajar. Antara sumbangan besar beliau kepada dunia pendidikan ialah beliau telah menerbitkan lebih dari 40 buah buku untuk digunakan sebagai rujukan bagi pelajar SPM dan STPM. Beliau juga banyak menulis dalam majalah tentang penulisan bahasa dan bahan bacaan tersebut telah dikongsi oleh para pelajar di peringkat antarabangsa iaitu sebagai rujukan para pelajar di luar negara yang mengambil kursus Bahasa Melayu.

Beliau juga merupakan Munsyi Dewan di mana beliau merupakan penulis artikel dalam majalah Pelita Bahasa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau kerap dijemput untuk menyertai mesyuarat serta menyampaikan ceramah kepada para guru berkenaan pengajaran dan teknik menjawab Bahasa Melayu STPM dan Pengajian Am. Beliau telah diangkat sebagai Tokoh Guru Negeri Terengganu pada tahun 2018, dan seterusnya diiktiraf sebagai Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 2019.



Gambar 1: Cikgu Nawi Ismail semasa menerima Anugerah Tokoh Guru Negeri Terengganu 2018



Gambar 2: Cikgu Nawī Ismail semasa menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan 2019

8.4 Amalan Terbaik sebagai Pendidik

Seorang pendidik perlu mempunyai daya kreativiti dalam proses penyampaian ilmu dapat memberi kesan kepada pelajar dari segi kefahaman dan bagaimana cara mereka menerapkannya nanti. Setiap pelajar mempunyai tahap kefahaman yang berbeza di mana ada sesetengah daripada mereka akan mudah memahami sesuatu tanpa perlu diterangkan berkali-kali dan terdapat pelajar yang mengalami masalah untuk memahami sesuatu ilmu baru. Oleh sebab itu pendidik memainkan peranan penting dalam memupuk kefahaman dalam kalangan pelajar dengan cara menggunakan kaedah pembelajaran yang kreatif sebagai contohnya menerapkan pelajar untuk menggunakan konsep peta minda dalam membuat nota. Dengan menggunakan cara ini pelajar tidak perlu untuk menghafal semua maklumat, mereka hanya perlu menghafal isi-isi penting sahaja.

Pendidik yang suka berkongsi pengalaman dan melaksanakan sesi rujukan dengan guru lain dapat membantu guru-guru terutamanya yang dari golongan muda untuk menjalankan tugas mereka dengan lebih baik. Selain daripada dapat berkongsi pendapat dan pengalaman, golongan muda juga dapat mempelajari sesuatu yang baru daripada orang yang lebih berpengalaman dan mengambil pengalaman itu sebagai satu titik permulaan untuk mencuba sesuatu yang baru. Perkongsian ilmu juga merupakan salah satu jalan untuk membantu menyelesaikan sebarang permasalahan yang mungkin dihadapi oleh pendidik sama ada berkaitan pelajar, teknik mengajar ataupun isu antara sesama pendidik seterusnya mempermudah mereka melaksanakan tugas sebagai pendidik.

Seterusnya, cara pendekatan seorang guru kepada pelajar itu juga penting dalam melahirkan kepercayaan terhadap pendidiknya. Terdapat sesetengah pelajar yang mempunyai masalah lain selain daripada pembelajaran mereka. Sebagai contoh, terdapat pelajar yang mempunyai masalah keluarga dan kewangan. Pelajar yang mempunyai masalah sebegini lebih cenderung untuk gagal dalam pelajaran walaupun sebenarnya mereka mempunyai peluang yang cerah untuk berjaya. Dalam hal sebegini, pendekatan guru memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelajar tersebut tidak berputus asa dan terus berusaha demi masa depan mereka.

Persediaan guru dari segi fizikal dan mental untuk menjadi seorang pendidik yang berjaya juga merupakan satu hal yang penting. Seseorang pendidik hendaklah meletakkan keikhlasan dalam dirinya untuk membantu para pelajar. Apabila kita ikhlas untuk membantu, pekerjaan kita akan menjadi lebih mudah dan diberkati. Seterusnya, para pendidik perlu bersedia dengan bahan-bahan mengajar untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang tertentu.

Sebelum mula mengajar, para guru perlu membuat kajian tentang cara untuk memastikan ilmu yang disampaikan itu berkesan supaya mereka dapat melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing.

9. KESIMPULAN

Kajian ini telah memberikan wawasan yang mendalam mengenai Tuan Hj Nawawi Ismail atau Cikgu Nawawi, seorang pendidik ulung yang telah mengabdikan diri selama 37 tahun dalam bidang pendidikan Malaysia. Kajian ini telah mengumpulkan maklumat yang komprehensif mengenai latar belakang peribadi, pengalaman, sumbangan, dan pengiktirafan beliau. Hasil kajian ini telah membuka jendela kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai dedikasi dan semangat beliau dalam meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Kajian ini juga telah mengenal pasti amalan terbaik sebagai seorang pendidik, termasuk kreativiti dalam penyampaian ilmu, perkongsian pengalaman, pendekatan yang bijak terhadap pelajar, dan persediaan fizikal dan mental yang rapi. Semua elemen ini adalah penting dalam membentuk generasi pelajar yang berkualiti dan berdaya saing. Selain itu, artikel penyelidikan ini memberi tumpuan kepada pentingnya merekodkan dan menghargai sumbangan seorang pendidik ulung seperti Cikgu Nawawi. Pengetahuan dan inspirasi yang dapat diperoleh daripada beliau adalah aset berharga yang dapat membentuk masa depan pendidikan negara ini. Kajian ini bukan sahaja menghormati jasa Cikgu Nawawi Ismail sebagai pendidik, tetapi juga menyumbang kepada bidang pendidikan dengan memberikan pandangan yang mendalam dan inspirasi kepada para pendidik dan pelajar Malaysia. Antara kata motivasi Cikgu Nawawi kepada para pelajar beliau ialah “tiada istilah pelajar lembab. Hanya ada pelajar lemah, tetapi rajin berusaha serta pelajar yang rajin, tetapi pemalas”.

Rujukan

- Habibah @Artini Ramlee (2017), *Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan "Riadhah Ruhiyyah"*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Noor Fadhlina Nawawi (2012). *Model Guru Berkualiti dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012] (International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]) bertempat di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru pada 8-9 Mac 2012, 233-238. ISBN 99917-44-89-4.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, Mohd Faez Ilias (2012), *Gaya Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*, Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam 2012.
- Kamarul Azmi Jasmi, Abdullah Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah (2009). *Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Menengah Kepada Allah SWT: Satu Kajian Kes*. In *Prosiding World Conference On Muslim Education*, Selangor: Kerajaan Negeri Selangor dan Islamic Academy, Cambridge, UK.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). *Cikgu Nawawi diumumkan Tokoh Guru Kebangsaan, Dato' Asariah Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan*. <https://www.moe.gov.my/menumania/media-elektronik/berita-dan-aktiviti/tokoh-guru-tokoh-kepimpinan-2019>
- Miftah Nurul Annisa, Ade Wiliyah, Nia Rahmawati (2020), *Pentingnya Pendidikan Karakter Pada Anak Sekolah Dasar Di Zaman Serba Digital*, *Jurnal Pendidikan dan Sains*, 2(1), p.35-48.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Muhammad Na'im Iman Zulkifly, Mohamad Zaid Mohd Hussain, Ahmad Ezzuddin Mohamad, Muhammad Afif Rosli (2019), *Keluarga Sejahtera Negeri Johor*, Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor.
- Mohd Aizat Abu Hassan, Kamarudin Musa (2019), *Amalan Profesionalisme Guru Sekolah Rendah di Semenanjung Malaysia*, *The 4 th Asia Pacific Conference on Educational Management and Leadership*, Pulau Pinang.
- Norashikin Abu Bakar, Ramli Basri, Foo Say Fooi (2015), *Hubungan Kepimpinan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar*, *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), p. 1-11.
- Noor Lela Ahmad, Nur Afrina Haziqah Azman (2020), *Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru Prinsip Perakaunan Berasaskan Model Slavin*, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), p.53-62.
- Nopan Omeri (2015), *Pentingnya Pendidikan Karakter dalam Dunia Pendidikan*, *Manajer Pendidikan*, p.464-468.
- Samruhaizad Samian, Azahan Awang (2017), *Pendidikan Sebagai Komponen Kualiti Hidup Masyarakat Pinggir Bandar*, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Vol. 1, Issue. 1, p. 267-280.
- Zulkefli Aini, Abd Hakim Mohad, Rosmawati Mohamad Rasit, Muhammad Faisal Asha'ari, Siti Rugayah Tibek, Muhammad Adib Samsudin, Salasiah Hanin Hamjah, AhmadIrdha Mokhtar, S.Salahudin Suyurno (2014), *Komunikasi Dakwah Antara Budaya Dalam Masyarakat Majmuk Di Sabah*, *Seminar Serantau Dakwah dan Etnik*.